

NO. SOALAN: 206

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

RUJUKAN : 7660

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bila Pusat Reman Agensi Anti Dadah yang baru di Simpang Empat, Nibong Tebal, Pulau Pinang akan dibina dan juga bila Pusat Reman Pendatang Tanpa Izin akan dipindahkan dari lokasi sekarang di Juru dan apakah kos pembinaannya.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini AADK tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina Pusat Reman di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Pembinaan Depot Tahanan Imigresen Juru, Pulau Pinang akan dimohon kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) *Rolling Plan* Pertama (RP-1) Tahun 2016.

Pihak EPU telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4 juta bagi tujuan pengambilan tanah projek bagi tahun 2015. Proses pengambilan tersebut dijangka selesai dalam tahun 2015. Permohonan bagi kos projek akan dikemukakan setelah perolehan tanah selesai.